

UKM dapat suntikan kepakaran

ISLAM mengajar umatnya bekerjasama dan saling bantu membantu terutama dalam meningkatkan keupayaan ummah menuju ke satu tahap yang lebih baik.

Dalam memberi manfaat kepada seluruh umat, pihak yang telah berjaya digalakkan membantu kumpulan yang sedang mengatur langkah mencipta kejayaan.

Berkongsi kemahiran dan kepakaran dalam bidang yang dikuasai pastinya bakal memberi kelebihan besar kepada umat Islam untuk menguasai sesuatu bidang dengan lebih sempurna, seterusnya berupaya melakar kejayaan cemerlang di peringkat antarabangsa.

Membentuk kumpulan dan generasi pelajar Islam cemerlang, perkara tersebut perlu mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak yang telah terbukti berjaya dalam bidang yang dipelopori.

Untuk itu, kumpulan yang telah mencapai kecemerlangan harus tampil dan melakukan kerjasama strategik bersama pihak pengurusan pusat pengajian tinggi bagi melahirkan generasi baharu yang boleh mewarisi kejayaan tersebut.

Kerjasama seumpama itu bakal memastikan ilmu dan rahsia kejayaan dapat diperkembang dalam kalangan generasi muda, seterusnya memberi impak kepada pembangunan ekonomi negara.

Menyedari hakikat tersebut,

Kausar Wealth Management Sdn. Bhd. (KWM) dan Mirandah Asia Sdn. Bhd. (Mirandah) mengadakan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Satu perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Hasrat (LoI) ditandatangani baru-baru ini bagi membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat besar daripada kerjasama berkenaan.

Naib Canselor UKM, **Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali** berkata, sebagai sebuah syarikat yang merupakan pelopor utama dalam pengurusan perwarisan profesional di negara ini, kelebihan dan kepakaran yang dimiliki KWM seharusnya dimanfaatkan oleh kumpulan pelajar di universiti tersebut.

Katanya, menerusi kerjasama baik itu, satu modul pengurusan perwarisan Islam yang pertama seumpamanya di negara ini secara berstruktur dan profesional bakal dibangunkan di Fakulti Undang-Undang (FUU) UKM.

"Kerjasama ini dilihat mampu melahirkan lebih ramai perunding profesional dalam perwarisan Islam di negara ini. Usaha ini merupakan satu inisiatif yang julung kali diadakan dalam industri tersebut.

"KWM juga bersetuju menyalurkan kutipan dana hibah dan seumpamanya kepada pelajar UKM yang memerlukan khususnya kepada pelajar FUU, selain melakukan sumbangan kepada

pembangunan prasarana fakulti tersebut," katanya.

Antara yang hadir dalam majlis menandatangani MoU dan LoI itu ialah Pengarah Urusan KWM, Khamarul Azhar Hashim; Ketua Pegawai Eksekutif Mirandah, Patrick Mirandah serta Dekan FUU UKM, Prof. Dr. Zinatul Ashiqin Zainol.

Mengulas lanjut, Noor Azlan berkata, LoI yang ditandatangani bersama Mirandah akan menyaksikan empat pelajar tahun tiga FUU UKM akan diberi peluang menjalani pengajian sangkutan undang-undang di pejabat syarikat tersebut di Kuala Lumpur selama 10 minggu dan seminggu lagi di Singapura, Thailand, Indonesia atau Filipina.

Menurutnya, sebagai sebuah *Boutique Intellectual Property Firm* yang tidak hanya beroperasi di Malaysia tetapi di lima buah negara ASEAN lain termasuk di India, kepakaran yang dimiliki oleh syarikat perundangan itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan pelajar undang-undang UKM.

"Selain dapat menimba ilmu dengan sebuah syarikat perundangan terbaik, pelajar juga difahamkan akan diberikan elaun dan tajaan tambahan sebanyak RM2,000 untuk tujuan mobiliti sangkutan undang-undang di empat buah negara ASEAN. Ini merupakan kelebihan yang sangat baik untuk dimanfaatkan oleh pelajar," katanya.



NOOR AZLAN GHAZALI (tengah) bersama Patrick Mirandah (kiri), Khamarul Azhar Hashim (dua dari kanan) dan Zinatul Ashiqin Zainol (kanan) selepas majlis menandatangani MoU di UKM, Selangor, baru-baru ini.